

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PDP 480 – Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : [3 jam]

Jawab 4 soalan. Soalan 1 mesti dijawab.

1. Bincangkan langkah-langkah/aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Prinsip Akaun berkaitan dengan:
 - (a) Pengenalan kepada Dt dan Kt.
 - (b) Pengenalan kepada Catatan Bergu.
 - (c) Penyediaan carta/carta-carta untuk memudahkan kefahaman pelajar.
 - (d) Integrasi antara matapelajaran dijalankan.

Untuk memudahkan perbincangan anda, urusniaga di bawah ini bolehlah digunakan.

Jan 1	Baki tunai ditangan	RM 1,000
3	Bayar gaji	300
7	Bayar sewa	150
18	Bayar air dan elektrik	50
27	Bayar belanja am	50

Catatan di atas perlu disediakan akaun tunai dan hantar bakinya ke bawah.

[40 markah]

2. Anda diharapkan menjadi guru perdagangan dan perakaunan yang berkualiti. Bincangkan isu ini berdasarkan persepsi pengetua, guru-guru dan murid-murid mengenai ciri-ciri guru yang berkualiti.

[20 markah]

...2/-

- 2 -

3. (a) Pengalaman anda membuktikan bahawa sebilangan besar murid-murid anda tidak suka menyoal ataupun menjawab soalan. Mengapa keadaan seperti ini terjadi serta cadangkan langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengatasi perkara ini.

[10 markah]

- (b) Berdasarkan tajuk-tajuk tertentu dalam matapelajaran perdagangan nyatakan teknik-teknik menyoal yang sesuai dilaksanakan.

[10 markah]

4. Guru-guru Perdagangan dan Perakaunan perlu peka dengan perkembangan pendidikan negara masa kini agar iaanya dapat melaksanakan tugas sepertimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

- (a) Bincangkan sejarah perkembangan dan kedudukan matapelajaran ini dalam sistem pendidikan negara.

[10 markah]

- (b) Bincangkan prinsip-prinsip KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru perdagangan dan perakaunan semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Perdagangan dan Perakaunan di bilik-bilik darjah.

[10 markah]

5. Penilaian dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, Perdagangan dan Perakaunan adalah sesuatu yang perlu. Bincangkan prinsip-prinsip penilaian yang harus anda lakukan serta contoh-contoh soalan penilaian yang anda lakukan.

[20 markah]

- oooOooo -